

07/12/1998

Pengawal berkuda Istana Negara pikat pelancong

Mohd Zin Ali

ISTANA Negara yang menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara yang ingin melihat lebih dekat kediaman Yang di-Pertuan Agong, kini mempunyai tarikan baru iaitu pengawal statik berkuda dari Unit Pengawal Istiadat Berkuda (UPIB).

Dengan berpakaian baju merah dan berseluar hitam seperti Peninjau Diraja pada tahun 70-an, pengawal berkenaan kelihatan begitu gagah menunggang kuda yang besar dan tegap.

Setiap kali pertukaran pengawal yang membuat kawalan statik di pintu masuk Istana Negara, pasti ianya mendapat perhatian pelancong dalam dan luar negara.

Sinaran cahaya dari kamera pelancong silih berganti jelas membuktikan kehadiran pengawal yang menunggang kuda di pintu masuk istana itu amat cantik untuk dirakam sebagai kenang-kenangan bagi dibawa pulang ke tanahair masing-masing.

Bagaimanapun, ketika ini, mereka yang ingin menyaksikan kawalan statik berkuda oleh UPIB itu hanya boleh berbuat demikian pada Rabu, Jumaat dan Ahad saja.

Kawalan oleh UPIB di pintu masuk istana bermula sejak 18 November lalu.

Pegawai Staf II Skuadron Istiadat Berkuda, Mejar Ahmad Fakharuzi Ibrahim, berkata UPIB adalah nukleus kepada Skuadron Istiadat Berkuda yang diisytiharkan penubuhannya oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar pada 13 Mei tahun lalu.

Menurutnya, idea asal penubuhan skuadron itu dicetuskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kemudian direalisasikan oleh Tentera Darat melalui Kor Armor Diraja.

Pada peringkat permulaan, UPIB mempunyai 27 ekor kuda yang didatangkan khas dari Poland, dengan kekuatan anggota tiga pegawai, 34 anggota lain-lain pangkat dan 27 kuda.

Ia kemudian akan dipertingkatkan kepada skuadron sepenuhnya dengan kekuatan enam pegawai, 106 anggota lain-lain pangkat dan 70 kuda.

Skuadron Istiadat Berkuda pula akan dikembangkan menjadi sebuah rejimen dengan menggabungkan elemen-elemen istiadat yang sedia ada di bawah satu pemerintahan.

Antara agensi istiadat yang akan terbabit dalam rejimen itu selain Skuadron Istiadat Berkuda ialah Peniup Nafiri diraja, Pengawal Tombak Diraja dan Pengiring Berkereta Diraja.

Rejimen yang bakal mempunyai kekuatan 26 pegawai, 444 anggota lain-lain pangkat dan 145 kuda ini bertanggungjawab dalam memelihara semua istiadat yang membabitkan Yang di-Pertuan Agong.

Fakharuzi berkata, skuadron berkuda sudah lama ditubuhkan di beberapa negara di dunia seperti Britain, Pakistan dan Poland untuk menyambut tetamu kehormat dan digunakan sejak zaman dahulu lagi dalam setiap upacara istiadat dilangsungkan.

Katanya, rancangan jangka panjang skuadron itu pula bukan sahaja untuk melaksanakan tugas kawalan statik dan istiadat berkuda malah mampu bersaing di dalam apa jua sukan equestrian.

"Bagaimanapun, kuda yang kita miliki sekarang tidak sesuai untuk digunakan bagi tujuan sukan equestrian kerana ia memerlukan kuda yang berciri berlainan, tambahan pula kekuatan kita ketika ini masih kecil," katanya.

Mengenai pemilihan pengawal berkuda pula, Fakharuzi berkata, ciri

fizikal badan seperti tubuh yang tegap, tinggi selain daripada keyakinan tinggi menjadi asas penting untuk menyertai skuadron ini.

Menurutnya, pengawal berkenaan juga mesti menunjukkan minat terhadap kuda kerana masa yang agak lama perlu diambil untuk menyesuaikan diri dengan kuda kerana ia adalah binatang yang sensitif.

"Kuda yang kita miliki juga memerlukan masa untuk dijinakkan kerana ia adalah separuh terlatih," katanya.

Ditanya mengenai latihan pula beliau berkata, pihaknya berlatih setiap pagi mulai jam 7.30 pagi selama dua atau tiga jam bergantung kepada cuaca dan sekiranya agak panas, jangka masa latihan mungkin akan dikurangkan.

"Pada sebelah petang, kuda dibawa berjalan di sekitar kawasan stable, dimandi serta dibersihkan," katanya.

Menurutnya, kuda perlu dimandi dan dibersihkan kerana kulitnya agak sensitif dan perlu dijaga dengan baik bagi mengelakkan masalah garam pada peluh tertinggal hingga menyebabkan masalah kulit.

"Kuda juga mempunyai mood dan kadang-kadang bertindak di luar jangkaan jika terkejut atau berada dalam keadaan tidak stabil.

"Oleh itu, ada yang menasihatkan jika ingin mendekati kuda, jangan datang dari arah belakang. Sebaiknya, datang dari depan dan mengusap bahagian atas kepala supaya ia tidak terkejut dan menyayangi kita," katanya.

(END)